

12 WARGA BANGLA DAKWA JALANI LATIHAN DENGAN DOF

Tak pernah undang

HM 27/11/25 pg 8

Putrajaya

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menegaskan pihaknya tidak pernah menjemput atau membabitkan mana-mana individu, termasuk 12 warga Bangladesh yang baru-baru ini ditahan, untuk menjalani latihan di Akademi Perikanan Malaysia.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Adnan Hussain berkata, pemakaian pakaian berlogo DOF oleh individu terbabit hanya bertujuan mengelirukan pihak penguatkuasaan negara.

"Perbuatan ini bukan

sahaja mencemarkan imej jabatan, malah boleh menggugat integriti dan kredibiliti institusi kerajaan," katanya.

Beliau turut menyeru orang ramai berhati-hati dengan pihak yang mungkin menggunakan nama atau identiti jabatan untuk kepentingan tertentu.

Katanya, sebarang maklumat mencurigakan boleh dilaporkan terus kepada pihak berkuasa.

"Kami akan terus bekerjasama rapat dengan pihak penguatkuasaan dan memastikan langkah proaktif diambil bagi mencegah insiden seperti ini daripada berulang

pada masa akan datang," katanya.

Adnan turut merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) atas kejayaan operasi menahan individu terbabit.

"Tindakan pantas dan tegas itu mencerminkan komitmen tinggi pihak penguatkuasaan dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara," kata-nya.

Sementara itu, JIM kelmarin membongkar taktik sekumpulan warga Bangladesh menyamar sebagai pelatih Akademi Perikanan Malaysia.

Dilaporkan seramai 12 lelaki yang berpakaian seragam telah ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), pada Jumaat lalu.

Semua individu terbabit mendakwa kedatangan mereka ke negara ini untuk tujuan lawatan sambil belajar sebagai pelatih Akademi Perikanan Malaysia dan turut mengemukakan surat jemputan daripada sebuah syarikat yang beralamat di Kuching, Sarawak.

Namun semakan lanjut mendapati surat jemputan terbabit disahkan tidak wujud.